



Mohd Khaled (dua dari kanan) ketika melancarkan Pelan Kebolehpasaran Graduan dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE), di Putrajaya, semalam. Turut hadir Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Ir Radin Umar Radin Sohadi (dua dari kiri), Setiausaha Agong Kementerian, Datuk Ab Rahim Md Noor (kiri).

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BH)

# Pelan tingkat potensi graduan

» *Beri tumpuan khusus bidang kritikal bangun modal insan*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bharian.com.my

► Sepang

**K**ementerian Pengajian Tinggi semalam melancarkan Pelan Kebolehpasaran Graduan 2012-2017 bagi meningkatkan potensi mereka mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

Pelan itu meletakkan sasaran memastikan sekurang-kurangnya 75 peratus graduan berjaya mendapatkan pekerjaan sebaik saja menamatkan pengajian masing-masing.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pelan strategik itu penting kerana keupayaan graduan mendapat kerja

berkait rapat dengan kebolehpasaran dan kemahiran seseorang graduan.

“Menyedari hakikat ini, kementerian dengan hasil perbincangan bersama semua pihak berkepentingan, memberi tumpuan khusus dalam bidang kritikal bagi membangunkan modal insan supaya potensi graduan mendapat kerja dipertingkatkan.

## Kebolehpasaran graduan

“Ini adalah satu Strategi Lautan Biru, penyediaan pelan ini akan menjadi anjakan paradigma bagi menghadapi isu kebolehpasaran graduan memandangkan pelan enam tahun ini menyediakan strategi tersusun yang dapat menjayakan usaha mengoptimalkan bakat graduan institusi pengajian tinggi (IPT) negara.

“Pelan ini sudah melalui pelbagai proses sebelum dimuktamadkan termasuk sesi dialog meja bulat, makmal dan bengkel pemurnian dengan kerjasama sektor akademik, kerajaan, swasta dan industri,” katanya pada sidang media selepas melancarkan

Pelan Kebolehpasaran Graduan dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE), di sini semalam.

## IPT main peranan

Sehubungan itu, beliau mengesakan IPT memainkan peranan penting dalam menghasilkan graduan yang berkebolehan dan bersedia ditempatkan dalam apa juga sektor pekerjaan selain cemerlang dari segi akademik.

“Apa yang ditekankan dalam pelan ini ialah pertama, kita perlu strategi mewujudkan sistem pengajian tinggi melahirkan jumlah modal insan bermutu, berdaya saing secara global serta memenuhi keperluan negara.

“Perkara kedua ialah mewujudkan sistem pengajian tinggi yang dapat menyediakan peluang kerjaya impian kepada graduan supaya mereka ditempatkan di tempat sepatutnya dalam pasaran ekonomi negara, sekali gus mengelakkan pengangguran.

“Seterusnya, mewujudkan kurikulum dalam pengajian tinggi yang mampu menyedia-

kan individu bukan hanya pakar dalam ilmu pengetahuan, tetapi bermutu dan mempunyai nilai yang diperlukan bidang pekerjaan tertentu,” katanya.

Mengulas mengenai ICOE, Khaled berkata sehingga kini enam ICOE sudah ditubuhkan merangkumi bidang automotif, elektrik dan elektronik serta pembangunan dan peruncitan.

Pusat kecemerlangan itu ialah ICOE-Infineon dengan Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, ICOE-Sapura dan ICOE Miyazu dengan Universiti Malaysia Pahang.

Selain itu, ICOE-Mydin dengan Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi Mara, Perak serta ICOE-MRCA bersama Universiti Utara Malaysia dan Kolej Universiti Se-gi.

Dalam pembentangan Bajet 2013, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, memaklumkan bahawa setiap tahun hampir 180,000 graduan berkelulusan diploma dan sarjana muda menamatkan pengajian daripada IPT.